Rujukan: UKM.BEN.100-1/3/3
Tarikh : 14 Januari 2025

SURAT EDARAN BENDAHARI BIL. 3/2025

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMANTAUAN PESANAN RASMI (PR)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bagi melancarkan proses penutupan akaun Universiti, sukacita diminta semua Pusat Tanggungjawab (PTj) membuat semakan dan pemantauan ke atas semua Pesanan Rasmi yang masih berbaki dan berstatus LULUS. PTj dikehendaki memastikan Pesanan Rasmi yang telah dikeluarkan sehingga tahun 2022 diselesaikan sama ada;

i. Membuat pembayaran bagi pembekalan yang telah disempurnakan kepada pihak syarikat; atau
ii. Membuat pembatalan sekiranya pembekalan tidak dibekalkan/ dibatalkan; atau
iii. Membuat penamatan sekiranya Pesanan Rasmi masih berbaki (setelah pembekalan disempurnakan)

Pembatalan dan Penamatan Pesanan Rasmi boleh dilaksanakan oleh Pegawai Pelulus Pesanan Rasmi tersebut sama ada di peringkat PTj atau mengemukakan kepada Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari.

3. Sehubungan dengan itu, PTj dikehendaki mengambil tindakan seperti yang dinyatakan di atas secara berterusan. Sekiranya berlaku tuntutan selepas pembatalan Pesanan Rasmi, PTj perlu mencari peruntukan selain Kumpulan Wang Mengurus/ Hasil bagi perbelanjaan tersebut. PTj juga dinasihatkan untuk membuat pemantauan berterusan bagi tahun semasa agar perbelanjaan dapat diselesaikan pada tahun tersebut.

4. Kerjasama dan keprihatinan pihak PTj adalah amat diharapkan. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari ditalian 5033/ 3131/ 3553 atau emel bahagianperolehan@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

"KEKAL BERINTEGRITI"

Yang benar,

MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A.(M)
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k. - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Kewatanan), UKM
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
- Pendaftar, UKM
- Ketua Perpustakaan, UKM
- Penasihat Undang-Undang, UKM

CERTIFIED TO ISO 9001:2015 CERT. NO. QMS 02549 CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022 CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 Emel: bndahari@ukm.edu.my Web: https://bendahari.ukm.my/